

26 FEB 1997

Mahathir-Lebuh raya

MAHATHIR MAHU PROJEK LEBUH RAYA TITIWANGSA DISEGERAKAN

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pelaksanaan projek lebuh raya di Banjaran Titiwangsa disegerakan kerana sebarang kelewatan akan hanya menyebabkan peningkatan kos.

"Kerajaan sedang menunggu laporan penilaian alam sekitar (EIA) dan kita harap ia dapat disediakan lebih awal," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet di Pusat Peranginan Bukit Tinggi dekat Janda Baik, kira-kira 65 kilometer dari sini hari ini.

Perdana Menteri berkata ada usaha untuk sengaja lewat-lewatkan projek itu yang akan hanya mengakibatkan pelaksanaannya tidak ekonomik kerana peningkatan kos dan akhirnya menggagalkan projek berkenaan.

Projek lebuh raya sepanjang 200 km itu menghubungkan pusat peranginan Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) kini dalam peringkat akhir memproses laporan penilaian projek itu.

Perdana Menteri sebelum ini telah memberi jaminan projek itu akan dilaksana tanpa memberi kesan buruk terhadap alam sekitar. Bagaimanapun beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyuarakan kebimbangan masing-masing terhadap kemusnahan alam sekitar yang boleh berlaku.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu yang turut ditemui selepas mesyuarat itu berkata kerajaan akan memutuskan bagaimana projek lebuh raya itu akan dilaksanakan sebaik sahaja laporan EIA mengenai projek itu selesai.

Beliau menjangkakan projek itu boleh bermula dalam tempoh satu bulan lagi tetapi tidak dapat memastikan tempoh bagi menyiapkan projek itu memandangkan keadaan bukit bukau dan hutan yang tebal.

"Kita kena tunggu hasil laporan EIA itu, baru boleh kita buat unjuran," katanya.

Samy Vellu berkata bagi memastikan alam sekitar terpelihara, kontraktor utama projek itu dinasihatkan supaya tidak mengambil kawasan hutan yang terlalu luas untuk koridor jalan tetapi sekadar yang diperlukan sahaja.

"Pada masa dulu kawasan seluas setengah batu diambil untuk projek semacam ini tetapi sekarang kita ambil apa yang kita perlu sahaja," katanya.

Oleh yang demikian, kata Samy Vellu, pokok akan ditebang secara terbatas kepada kawasan koridor yang diperlukan sahaja iaitu antara satu setengah hingga dua rantai (30 hingga 40 meter) sahaja. -- BERNAMA

ZAB/ARA RON